

9

Zakat Antara Kefardhuan dan Petarbiahan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian...

Saya berpesan kepada kaum muslimin sekalian dan kepada diri saya sendiri, supaya kita sama-sama mempertingkatkan

ketaqwaan dan keimanan kita kepada Allah s.w.t, dengan erti kata bersungguh-sungguh, dalam mengerjakan segala titah perintah dan suruhan-Nya, serta meninggalkan segala tegahan dan larangan-Nya. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُونُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran (3):102)

Mimbar hari ini akan membicarakan tajuk “ **ZAKAT ANTARA KEFARDHUAN DAN PENTARBIAHAN.**”

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Agama Islam mendidik dan menuntut agar umatnya benar-benar patuh dalam menunaikan setiap perintah Allah sama ada ianya merupakan hak manusia terhadap Allah ataupun hak manusia sesama manusia dan alam seperti tolong menolong, hormat menghormati dalam pergaulan bermasyarakat, menjaga kebersihan persekitaran dan memelihara kehijauan.

Zakat adalah salah satu perkara pokok dan tunggak agama Islam, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ :
 شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ ،
 وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ ، وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا .

Maksudnya: “Dibina Islam itu atas lima tunggak; Pengakuan tidak ada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad s.a.w. itu hamba dan rasul-Nya, dan mendirikan sembahyang fardhu 5 kali sehari semalam, dan mengeluarkan zakat (harta dan fitrah), dan berpuasa dalam bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah bagi orang yang mampu.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Zakat merupakan satu sistem yang menekankan kepada kesepaduan kualiti dan kuantiti. Ianya sebagai ibadah yang menghimpunkan kedua-dua hak dalam pelaksanaannya iaitu hak manusia terhadap penciptanya dan hak manusia sesama manusia dan alam. Zakat diwajibkan untuk melindungi harta, melatih jiwa dan menjamin pembangunan ummah. Sistem zakat menjadi satu mekanisma, yang menggarapi keseluruhan sistem kehidupan sesebuah masyarakat supaya dapat menikmati kehidupan yang harmoni. Dengan berzakat, seseorang itu akan dapat mempertalikan dirinya dengan masyarakat dan dengan berzakat juga, harta seseorang itu menjadi bersih, jiwanya menjadi suci, perasaannya menjadi tenteram kerana telah menunaikan kewajipan untuk memenuhi tuntutan ilahi demi menegakkan keadilan bermasyarakat. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah, ayat 103 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ
 إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya : “Ambillah sebahagian dari harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang keji) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”

(QS al-Taubah (9): 103)

Kaum Muslimin Rahimakumullah...

Adalah tidak dapat dinafikan, sememangnya manusia secara fitrah atau kesejadiannya cenderung kepada bersifat kedekut dan kikir sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al Ma'aarij ayat 19 – 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ
 الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah lagi bakhil. Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah dan apabila ia beroleh kesenangan ia sangat bakhil.”

(QS al-Maa'arij (70): 19-21)

Namun, agama Islam mendidik umatnya supaya tidak mementingkan harta dan kekayaan di samping mencerca umatnya yang bersifat kedekut. Islam menganjurkan agar penganutnya bersifat pemurah malah, memberikan ganjaran yang amat besar kepada umatnya yang suka bersedekah. Justeru itu, Allah s.w.t memfardhukan ibadah zakat kepada hamba-hambanya dengan tujuan untuk mendidik dan melatih mereka agar bersifat pemurah lagi dermawan.

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Zakat yang diperintahkan oleh Allah dan disenarai pendekkan sebagai rukun Islam oleh junjungan besar kita Nabi Muhamad s.a.w, dibahagikan kepada dua bahagian oleh para ulama iaitu, zakat harta dan zakat fitrah.

Bagi mereka yang memiliki pendapatan dan harta kekayaan, kewajipan menunaikan zakat tidak terhenti atau tidak gugur dari dirinya dengan sekadar menunaikan zakat fitrah sahaja. Akan tetapi kefardhuan tersebut berterusan selagi mana pendapatan itu diperolehi dan harta kekayaan itu dimiliki serta dikembangkan.

Sementalahan, pendapatan dan harta yang wajib dikeluarkan sebahagian kecil darinya sebagai zakat untuk mendidik dan melatih diri agar bebas dari kepompong kebakhilan, dijeniskan oleh para ulama seperti berikut:-

1. emas, perak dan wang simpanan termasuk wang simpanan dalam KWSP;
2. pendapatan dan pendapatan pengajian;
3. saham, debentur, bon dan sebarang bentuk pelaburan yang menepati syariah;

4. tanaman dan bijirin seperti padi, gandum, jagung, anggur, kurma dan sebagainya;
5. ternakan seperti unta, lembu, kerbau, kambing, kibas dan sebagainya;
6. barang-barang perniagaan; dan
7. harta galian dan harta karun iaitu maadin, rikaz dan kunuz.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian...

Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini umat Islam di Sabah telah menyedari peri pentingnya menghayati ibadah zakat dan menunaikannya kepada pihak berkuasa iaitu Pusat Zakat Sabah (MUIS). Kerelaan mereka menunaikan ibadah tersebut di Pusat Zakat Sabah adalah didorong oleh peranan yang telah dilakukan oleh badan tersebut sebagai memikul amanah dan menunaikan tanggungjawabnya secara telus, adil dan saksama dalam pengagihan zakat.

Berdasarkan rekod pungutan zakat di negeri Sabah, pada tahun 2012 sahaja seramai 29,636 orang telah menunaikan ibadah tersebut di Pusat Zakat Sabah di mana seramai 5,986 orang membayar pelbagai jenis zakat harta dan seramai 21,585 orang membayar zakat pendapatan dari penggajian secara bulanan menerusi Potongan Zakat Berjadual (PZB) yang diselaraskan dengan Potongan Cukai Berjadual (PCB) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Munafiqun ayat 9:-

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ
ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah) sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itu adalah orang-orang yang rugi."

(QS al-Munafiqun (63):9)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

